




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

4 OKTOBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 677 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 201,073 kes. Sebanyak sembilan (9) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu empat (4) kes di Kota Kinabalu dan masing-masing satu (1) kes di Keningau, Beluran, Tawau, Tenom dan Sandakan. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 1,900 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 185,594 orang. Manakala 2,664 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,060 orang di hospital, 1,583 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 14 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala tujuh (7) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 144 orang merangkumi 128 di ICU/repurposed kritikal care serta 16 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 49 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated). Manakala bilangan pesakit stage empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 273 (61.76%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Sabah meneruskan trend penurunan kes harian dan hari ini menurun sebanyak (-90) kes, catatan terendah sejak 24 Julai 2021 lepas. Kes yang direkod pada hari ini ialah (677) kes.
- b. Penurunan secara keseluruhan yang dicatatkan hari ini menunjukkan prestasi yang baik di mana 21 daerah mencatatkan penurunan kes, hanya 5 daerah mencatatkan peningkatan kes dan 1 daerah iaitu Kudat kekal dengan catatan kes sebagaimana semalam.
- c. Hanya 3 daerah yang mencatatkan kes di atas paras (50) kes iaitu Kinabatangan (107) kes, Kota Kinabalu (94) kes dan Keningau (78) kes.
- d. Bagi daerah yang mengalami trend penurunan berbanding catatan kes semalam, Lahad Datu mencatatkan penurunan tertinggi iaitu sebanyak (-35) kes, Kota Kinabalu (-18) kes, Putatan (-18) kes, Tawau (-16) kes, Ranau (-15) kes, Kota Marudu (-15) kes, Sipitang (-13) kes, Nabawan (-13) kes, Penampang (-13) kes, Pitas (-12) kes dan Sandakan (-11) kes.
- e. Daerah yang mencatatkan peningkatan ketara pada hari ini pula ialah Kinabatangan dengan peningkatan sebanyak (+92) kes, Keningau (+23) kes dan Papar (+14) kes.
- f. Peningkatan drastik jumlah kes di daerah Kinabatangan adalah berpunca daripada kewujudan dua kluster baru iaitu Kluster Sungai Tabulion dan Kluster Sandau Sawit. Dua kluster ini sahaja menyumbang 82.2% daripada kes yang direkodkan hari ini di Kinabatangan.
- g. Pada hari ini juga, tidak ada catatan daftar lewat kes jangkitan baharu yang melebihi 5 hari. Jika diperhatikan data pada hari ini, hanya (384) kes atau 56.72% daripada kumulatif harian Negeri Sabah adalah catatan kes yang berlaku dalam masa 24 jam yang lalu. Selebihnya adalah kes-kes daftar lewat antara 2 hingga 5 hari.

- h. Analisis graf data terkini menunjukkan Negeri Sabah berada dalam landasan untuk trend pelandaian kes. Namun, sekali lagi diingatkan bahawa faktor utama kepada naik atau turunnya graf jangkitan kes baharu adalah sikap kita sendiri. Pematuhan secara total kepada semua SOP dan amalan baik penjagaan kesihatan diri adalah kunci utama kepada kekebalan kita daripada jangkitan virus COVID-19.
- i. Berdasarkan kepada statistik pengkategorian kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini, 87.74% daripada kes jangkitan hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, manakala hanya enam (6) kes Kategori 3, empat (4) kes Kategori 4 dan empat (4) kes Kategori 5. Lazimnya, pesakit-pesakit kategori 1 dan Kategori 2 tidak memerlukan rawatan di hospital
- j. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (363) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	93	13.74%
2	Bergejala	171	25.26%
3	Kontak	363	53.62%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain	50	7.39%
JUMLAH		677	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (03 Oktober 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 03/10/2021	Catatan Kes 04/10/2021	Perbandingan
1	Kinabatangan	15	107	+92
2	Keningau	55	78	+23
3	Papar	33	47	+14
4	Kunak	4	6	+2
5	Kota Belud	45	46	+1
6	Kudat	33	33	Mendatar
7	Lahad Datu	53	18	-35
8	Kota Kinabalu	112	94	-18
9	Putatan	23	5	-18
10	Tawau	36	20	-16
11	Ranau	56	41	-15
12	Kota Marudu	32	17	-15
13	Sipitang	22	9	-13
14	Nabawan	25	12	-13
15	Penampang	40	27	-13
16	Pitas	15	3	-12
17	Sandakan	38	27	-11
18	Tuaran	34	27	-7
19	Telupid	11	4	-7
20	Kalabakan	7	1	-6
21	Beluran	9	4	-5
22	Beaufort	8	3	-5
23	Tongod	5	0	-5
24	Tenom	32	29	-3
25	Tambunan	5	2	-3
26	Kuala Penyu	7	6	-1
27	Semporna	12	11	-1
JUMLAH		767	677	-90

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (20 September – 03 Oktober)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kinabatangan	88	16	1	0	2	107	526
Kota Kinabalu	0	72	18	0	4	94	1,600
Keningau	1	61	15	0	1	78	1,003
Papar	0	18	29	0	0	47	563
Kota Belud	0	34	8	0	4	46	679
Ranau	4	16	16	0	5	41	890
Kudat	0	22	6	0	5	33	368
Tenom	0	14	11	0	4	29	422
Penampang	0	16	10	0	1	27	649
Sandakan	0	9	12	0	6	27	979
Tuaran	0	25	2	0	0	27	748
Tawau	0	8	8	0	4	20	575
Lahad Datu	0	8	8	0	2	18	1,113
Kota Marudu	0	3	11	0	3	17	865
Nabawan	0	6	2	0	4	12	345
Semporna	0	9	2	0	0	11	143
Sipitang	0	8	0	0	1	9	188
Kuala Penyu	0	5	0	0	1	6	51
Kunak	0	3	2	0	1	6	162
Putatan	0	2	3	0	0	5	426
Telupid	0	4	0	0	0	4	213
Beluran	0	1	2	0	1	4	304
Pitas	0	1	1	0	1	3	474
Beaufort	0	2	1	0	0	3	207
Tambunan	0	0	2	0	0	2	157
Kalabakan	0	0	1	0	0	1	79
Tongod	0	0	0	0	0	0	211
JUMLAH	93	363	171	0	50	677	13,940

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Ranau	Kluster Mokodou	4
Keningau	Kluster Batu 46 Tulid	1
Kinabatangan	Kluster Sandau Sawit	25
	Kluster Sungai Tabulion	63
JUMLAH		93

6 Terdapat dua (2) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

- i **Kluster Sungai Tabulion - Kinabatangan** dikesan berlaku di tempat kerja iaitu di Ladang Sawit Malbumi Gedau, Kinabatangan. Kes indeks merupakan pekerja pembersihan, wanita, 52, bukan warganegara yang mula bergejala pada 17 September 2021. Ujian saringan bergejala RTK AG di Hospital Duchess Of Kent Sandakan pada 28 September 2021 mengesahkan kes indeks positif COVID-19 dengan keputusan RTK-AG grating 100% dan telah dirujuk ke PKRC Sandakan untuk rawatan selanjutnya. Aktiviti persampelan kontak seterusnya mendapati, seramai 62 orang kontak sosial, pekerja dan tanggungan positif COVID-19, menjadikan jumlah kumulatif kes positif dalam kluster ini sebanyak 63 kes. Siasatan, persampelan COVID-19 dan disinfeksi masih diteruskan di lapangan untuk menilai sebaran jangkitan dan risiko kemungkinan jangkitan lebih meluas kepada pekerja ladang berdekatan yang lain.

ii **Kluster Sandau Sawit - Kinabatangan** juga merupakan kluster tempat kerja iaitu di kilang sawit di daerah Kinabatangan. Kes indeks adalah pemandu kilang lelaki, 30, warganegara Indonesia yang dikesan positif COVID-19 melalui RTK AG di Klinik Mabello Paris Kinabatangan pada 29 September 2021 untuk tujuan saringan tempat kerja. Keputusan RTK AG menunjukkan grading 100% dan kes telah dirujuk ke PKRC Kinabatangan untuk rawatan selanjutnya. Aktiviti persampelan kontak seterusnya mendapati, seramai 27 orang kontak sosial, pekerja telah didapati positif COVID-19. Siasatan, persampelan COVID-19 dan disinfeksi masih diteruskan di lapangan untuk menilai sebaran jangkitan dan risiko kemungkinan jangkitan lebih meluas kepada pekerja ladang berdekatan yang lain. Setakat hari ini, terdapat 28 kes positif dalam kluster ini termasuk 25 kes baharu yang dilaporkan.

7 Jumlah kapasiti katil 6,764 unit

- Hospital 1,908 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,156 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 39.38%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 4 OKTOBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	671
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	4
Orang Dalam Tahanan /Banduan	2
Jumlah	677

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Selangor	2
WP Kuala Lumpur	1
Terengganu	1
Jumlah	4

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	575
Bukan Malaysia	102
Jumlah	677

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	147
Belum Menerima Vaksin	156
Menerima 1 Dos	84
Lengkap 2 Dos	290
Jumlah	677

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	8
1 to 5	61
6 to 11	78
12 to 17	64
18 to 25	100
26 to 59	290
>60	76
Jumlah	677

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 04 Oktober 2021)
1	Ranau	3
2	Kota Belud	1
3	Kudat	1
4	Papar	1
5	Tambunan	1
6	Tawau	1
7	Telupid	1
JUMLAH		9

D PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Kampung Garib, Matunggong, Kudat	22 September 2021	Ditamatkan pada 5 Oktober 2021 seperti yang dijadualkan

E STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 3 Oktober 2021 adalah seramai 20,364 orang. Daripada jumlah ini, seramai 16,770 orang adalah penduduk dewasa dan seramai 3,594 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 3 Oktober 2021 adalah seramai 2,327,677 orang. Ini meliputi 2,053,788 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 74.5% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 1,828,673 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,827,893 orang atau 66.3% adalah penduduk dewasa.

3 Seramai 273,889 orang atau 64.3% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 780 orang setakat ini.

F BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **634,621** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

G LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

1 Sejumlah 40 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 15,426 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 22 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 64 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.

2 Sebanyak 18 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.

- Lapan (8) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
- 10 Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan

3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 77 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 31 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.

4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 1,102 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dan notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.

- ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 600 premis perniagaan dan 919 individu di 18 kawasan. Dua (2) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Creative Design Studio Sdn. Bhd., Damai Plaza (1 Orang) dan MMS Education Services Sdn. Bhd. (1 Orang). Satu (1) kompaun dikenakan ke atas premis atas kesalahan membenarkan individu tanpa dua dos masuk premis di Yong Soon Lee Coffee Shop.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 219 Premis Perniagaan melibatkan 154 anggota APM. Sebanyak 27 Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 115 anggota di 192 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 16 premis, melibatkan sembilan (9) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 213 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 15 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 644 hebahan di seluruh Sabah.

H KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **97.2%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kudat	98%
2	Beaufort	98%
3	Beluran	98%
4	Kota Marudu	98%
5	Tenom	98%
6	Semporna	97.5%
7	Keningau	97.5%
8	Kota Belud	97.5%
9	Penampang	97%
10	Ranau	97%
11	Sandakan	97%
12	Papar	97%
13	Kunak	97%
14	Tuaran	97%
15	Sipitang	97%
16	Kinabatangan	97%
17	Lahad Datu	96.5%
18	Kota Kinabalu	96.5%
19	Tawau	96%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II